

10 OCT 2001

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat Kabinet di Puncak Gunung Raya

LANGKAWI, 10 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet di Rumah Kabinet di puncak Gunung Raya, puncak tertinggi di pulau peranginan ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut menghadiri mesyuarat itu yang berlangsung kira-kira dua jam.

Sebelum mesyuarat itu bermula, Dr Mahathir bersama anggota-anggota kabinet telah meninjau sekitar kawasan Rumah Kabinet itu yang terletak kira-kira 880 meter di atas aras laut.

Melalui menara Rumah Kabinet di puncak Gunung Raya, seseorang boleh melihat hampir keseluruhan pulau ini dan gugusan pulaunya yang lain.

Selepas mesyuarat itu selesai, Dr Mahathir dan anggota kabinet menjamu selera pada majlis makan tengah hari bersama-sama Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan barisan anggota Exco Kerajaan negeri yang sebelum itu bermesyuarat di Kompleks Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada).

-- BERNAMA

NH NMO